



Yayasan Tunku
Abdul Rahman



Laporan Tahunan

2022

2022

Maklumat YTAR

Akta Penubuhan	Akta Parlimen Bil 43 Tahun 1966
Juruaudit	Jabatan Audit Negara, Aras 3, Lot 2G4, Presint 2, Pusat Pentadbiran Persekutuan, 62518 Putrajaya
Peguambela dan Peguamcara	Tetuan Nazri Yahya & Co, Block A, 16-4-1, Jalan 5/101C, Cheras Business Centre, Cheras, 56100 Kuala Lumpur
Bank	CIMB Bank Berhad, Menara CIMB, 21, Lorong Ara Kiri Satu, Lucky Garden, Bangsar, 59100 Kuala Lumpur Bank Islam Malaysia Berhad, Cawangan Putrajaya; Unit 10-14, Aras G, Block B Suasana PJH, 10, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100, Wilayah Persekutuan Putrajaya
Pengurus Dana	AHAM Asset Management Berhad Aras Bawah, Menara Boustead 69, Jln Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur
Pejabat Berdaftar	Yayasan Tunku Abdul Rahman, A-10-10, Menara UOA Bangsar, 59000 Bangsar, Kuala Lumpur.
Telefon	03-22836063 / 03-22836073
Faks	03-22836052
Emel	admin@yayasantar.org.my
Laman Web	www.yayasantar.org.my



Perutusan Pengerusi

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan,

Tahun 2022 merupakan tahun yang membawa sinar harapan untuk pemulihan dan pembinaan semula kehidupan pasca pandemik, terutamanya kepada golongan yang paling terkesan atas peristiwa ini terutamanya mereka daripada komuniti rentan.

Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang YTAR 1966 dengan objektif awal untuk menyokong pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

Sejak tahun 2019, YTAR telah merombak objektifnya dan menekankan agenda pemerkasaan pelajar daripada isi rumah berpendapatan rendah dan daripada latar belakang yang pelbagai untuk mencapai potensi penuh mereka.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mempunyai agenda perpaduan yang selari dengan misi YTAR untuk menangani cabaran moden berkaitan dengan defisit sosial khususnya dalam ketidaksamaan kelas dan jurang pendidikan yang berlaku di Malaysia. Justeru, pemindahan YTAR daripada Kementerian Pengajian Tinggi ke Kementerian Perpaduan Negara merupakan langkah yang strategik dan dilakukan pada masa yang tepat bagi memastikan sokongan dan bantuan diberikan kepada masyarakat tanpa mengira latar belakang.

Lantaran itu, YTAR menyokong matlamat ini dengan meningkatkan peluang pendidikan tinggi dan mengetengahkan pembangunan kepimpinan berasaskan nilai dalam kalangan belia, terutamanya belia daripada golongan berkeperluan tinggi. Ini bukan sahaja menjadi jalan untuk mereka mencapai mobiliti sosial, malah untuk memperkasa generasi baru pemimpin muda daripada pelbagai latar belakang yang berusaha untuk memelihara warisan Almarhum Tunku Abdul Rahman ke arah Malaysia yang progresif dan inklusif.

Sejajar dengan matlamat ini, YTAR telah memberi biasiswa, bantuan dan program pembangunan belia sebanyak RM 10 juta dan berjaya memberi impak kepada 2,300 pelajar sejak 2019. Pada tahun 2022 sahaja, YTAR telah membelanjakan RM 2.5 juta dalam bentuk pemberian biasiswa dan program pembangunan sekaligus berjaya menyokong lebih 340 belia yang beraspirasi tinggi.

Pada masa yang sama, YTAR juga giat membina asas yang kukuh dalam usaha pengumpulan dana dan berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM 1.9 juta dalam bentuk tunai dan barangan (in-kind)*. Dana ini disalurkan untuk mengembangkan program YTAR seperti Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR), Closing The Gap (CTG), sebuah program mentoring, dan FutureReady, sebuah program kebolehpasaran belia.

Dengan itu, saya merakamkan penghargaan saya kepada semua penderma dan rakan kongsi YTAR yang memberi sokongan sepenuhnya kepada misi YTAR.

Mewakili pihak YTAR, saya ingin menekankan komitmen kami untuk meningkatkan lagi usaha program dan perkongsian demi menyokong lebih ramai belia berpotensi tinggi bagi mencapai potensi diri dan negara. Melalui langkah proaktif ini, Malaysia yang progresif dan inklusif bukan lagi satu impian, tetapi boleh dijadikan sebuah realiti.

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang
Menteri Perpaduan Negara dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YTAR**

**Nota: Perjanjian (Pledge) tersebut merentasi beberapa tahun dan termasuk derma dalam bentuk pengecualian yuran daripada penaja universiti swasta. Derma tunai sebenar yang diterima berbeza dari tahun ke tahun, tertakluk kepada bilangan penerima biasiswa dan peserta yang disahkan dan masa pengeluaran derma. Pengecualian yuran uang diterima menjadikan pengurangan dalam perbelanjaan YTAR.*





Perutusan Ketua Eksekutif

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan,

Saya mula berkhidmat di Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) pada tahun 2019 dengan harapan yang tinggi. Pada ketika itu, saya telah giat dalam inisiatif memperkasakan pelajar daripada sosio-ekonomi yang rendah untuk mencapai kemahiran, ilmu dan pemikiran bagi melanjutkan pelajaran ke menara gading. Saya berhasrat untuk mengembangkan usaha tersebut di YTAR agar kami dapat meningkatkan mobiliti sosial dan pembangunan para pelajar Malaysia yang berkeperluan dan berpotensi tinggi.

Walau bagaimanapun, 2020 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran. Selama dua tahun seterusnya, Malaysia telah mengharungi krisis wabak COVID-19 yang baharu dan tidak pernah dihadapi sebelum ini. Fokus YTAR telah berubah untuk menyediakan bantuan segera kepada belia Malaysia yang berdepan dengan kegentingan ekonomi dan pembelajaran. Program YTAR turut perlu diubahsuaikan dan dijalankan atas talian dengan penekanan terhadap kesejahteraan Scholars dan peserta kami pada waktu tersebut. Perkara ini telah menyebabkan perancangan asal pasukan kami terpaksa ditangguhkan.

Menjelang 2022, kami akhirnya berjaya melancarkan program asal tersebut secara bersemuka lagi dan meningkatkan usaha untuk mengukuhkan hubungan silaturahim antara Scholars kami. Pemerkasaan golongan belia daripada latar belakang sosio-ekonomi rendah menekankan kepentingan pemupukan komuniti yang utuh dan sistem sokongan yang menyeluruh. Oleh itu, falsafah kami dalam membangunkan Scholars dan peserta kami bukan sahaja menitikberatkan akses kepada sumber, kemahiran dan rangkaian profesional, malah pembinaan daya pemikiran dan nilai murni yang perlu diterapkan untuk melahirkan individu yang holistik.

Masih segar dalam ingatan saya apabila bersama 45 pelajar sekolah menengah di Kem Residen Closing The Gap (CTG) di mana mereka telah membuat perkongsian aspirasi tinggi masing-masing untuk masa hadapan. Dan juga ketika Persidangan Kepimpinan Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR) di mana 21 Tunku Scholars telah membentangkan idea-idea projek yang berpotensi untuk menyelesaikan cabaran yang dihadapi oleh komuniti tersendiri. Projek-projek tersebut merangkumi idea seperti pemasangan panel solar serta lampu dan peningkatan akses kepada air untuk komuniti Kepulauan Sabah. Semangat yang ditunjukkan oleh pelajar memberi motivasi kepada kakitangan YTAR untuk terus berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa jika kita merealisasikan potensi belia kita, kita turut akan merealisasikan potensi Malaysia kita.

Sesungguhnya, Scholars kami telah mencapai kejayaan yang luar biasa. CTG Scholars telah memperoleh biasiswa sebanyak RM 11 juta, termasuk 3 CTG Scholars yang telah memperoleh Biasiswa MyBrain dan Biasiswa Pendidikan PETRONAS untuk melanjutkan pelajarannya ke universiti luar negara seperti Universiti Melbourne. 3 Tunku Scholars turut dipilih untuk mengikuti YSEALI Academic Fellowship di Amerika Syarikat, sebuah program berprestij yang akan meluaskan horizon pengalaman mereka. Kisah pengalaman dan perjuangan Scholars kami dalam merealisasikan impian mereka turut ditampilkan dalam platform media awam seperti Astro Awani dan BERNAMA untuk dijadikan inspirasi kepada belia yang lain.

Selaku Ketua Eksekutif baharu YTAR, tema saya untuk tahun 2023 ialah “kemajuan”. Semoga kami tekad dalam komitmen untuk membangunkan golongan belia yang maju untuk Malaysia yang maju. Jika anda atau organisasi anda ingin memberi sokongan terhadap perjuangan kami, sila hubungi kami di partnerships@yayasantar.org.my atau lawat laman sesawang kami di www.yayasantar.org.my.

Bersama, kita boleh memupuk generasi pemimpin belia baharu yang mampu membentuk masa depan yang lebih cerah kepada diri dan kita.

Ida Thien
Ketua Eksekutif YTAR



Isi Kandungan

Pengenalan	7
Program Kami	18
Pemasaran dan Perkongsian	35
Pentadbiran	39
Laporan Kewangan Penuh	41



01

Pengenalan



Tentang Kami

Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) telah ditubuhkan melalui Akta Parlimen pada tahun 1966 sebagai tanda penghormatan kepada Perdana Menteri pertama iaitu YTM Tunku Abdul Rahman – Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia. YTAR beroperasi sepenuhnya atas pembiayaan swasta dan memegang status pengecualian cukai. Seperti yang diamanatkan oleh akta, YTAR kini berada di bawah naungan Kementerian Perpaduan Negara.

YTAR ditubuhkan dengan misi ringkas, iaitu untuk menyokong belia melanjutkan pelajaran tinggi. Mula-mulanya, YTAR memberi pinjaman bernilai sehingga RM 20 juta untuk menyokong misi tersebut. Pada tahun 2006, sebuah program biasiswa ijazah bagi belia berpotensi tinggi iaitu Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR) diperkenalkan.

Mulai tahun 2019, YTAR telah merombak visinya untuk membina masyarakat Malaysia yang maju, saksama dan inklusif di mana setiap individu mempunyai peluang untuk mencapai potensi mereka dan menyumbang kepada negara. Untuk mencapai visi ini, YTAR fokus terhadap pemerksaan golongan belia yang berpotensi tinggi tetapi kurang diwakili seperti golongan berpendapatan rendah untuk membentuk masa depan diri sendiri, masyarakat dan Malaysia.

YTAR komited untuk menyokong golongan belia melalui 3 fasa kehidupan:

Fasa 1: Peralihan ke pendidikan tinggi

YTAR menyerap program Closing The Gap, sebuah program *mentoring* untuk membimbing pelajar sekolah menengah berpendapatan rendah dan berpotensi tinggi, digelar CTG Scholars, untuk mencapai aspirasi melanjutkan pelajaran tinggi di dalam dan luar negara.

Fasa 2: Kejayaan dalam peringkat pendidikan tinggi

YTAR telah merombak BTAR sebagai program biasiswa holistik yang menggunakan pendekatan penilaian menyeluruh di mana latar belakang, cabaran dan keadaan kehidupan calon turut diambil kira. Selain itu, program pembangunan kepimpinan berstruktur dua tahun diperkenalkan bagi melengkapkan penerima BTAR, digelar Tunku Scholars, dengan kemahiran, nilai dan penetapan minda yang diperlukan untuk menjadi pemimpin masa depan dan negara.

Fasa 3: Kejayaan dalam alam pekerjaan dan masyarakat

YTAR memperkenalkan inisiatif seperti program Future**Ready**, kolaborasi bersama *Google Gemilang* serta memberi penajaan pendidikan vokasional bagi meningkatkan kebolehpasaran dan keupayaan golongan belia untuk berjaya dalam masyarakat.

Visi

Membina masyarakat Malaysia yang **maju, saksama dan inklusif** di mana setiap individu mampu mencapai potensi diri dan negara.

Misi

Memperkasakan golongan belia yang berpotensi tinggi, terutamanya golongan kurang diwakili, **dengan kemahiran, sumber dan daya tahan** untuk membentuk masa depan yang mampan bagi diri sendiri, masyarakat dan negara.



Fokus YTAR

Pemberian Biasiswa dan Bantuan Kewangan

Membantu pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dan menyediakan mereka dengan kemahiran, penetapan minda, nilai dan sumber untuk mencapai potensi mereka.

Pembangunan Bakat dan Kepimpinan

Menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan penetapan minda untuk berjaya dalam pelajaran tinggi dan membangun diri sebagai pemimpin muda komuniti sendiri.

Pembinaan Komuniti Penyayang Bernilai Murni

Membina komuniti peserta dan alumni YTAR yang pelbagai, penyayang dan berpegang teguh kepada nilai-nilai yang diilhamkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman. Dengan itu, komuniti tersebut turut bersedia untuk berkhidmat bukan sahaja kepada komuniti YTAR, tetapi untuk masyarakat awam.



Logo Kami



Logo Yayasan Tunku Abdul Rahman diinspirasi daripada logo peribadi Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman. Logo tersebut telah diubahsuai untuk kegunaan YTAR, atas perkenan Almarhum.

Penerangan

Kubah Masjid

Kubah masjid melambangkan nilai-nilai murni yang didokong oleh agama Islam seperti kesucian, keikhlasan, kejujuran dan sebagainya.

Bunga Raya

Bunga raya merupakan bunga kebangsaan Malaysia. Justeru, ia melambangkan bahawa YTAR adalah satu pertubuhan bersifat nasional dan bukan kenegerian mahupun berasaskan etnik. Sumbangan YTAR harus meliputi semua warganegara Malaysia tanpa mengira latar belakang, kaum atau agama.

Obor

Obor melambangkan penyuluh ke arah pencarian ilmu pengetahuan yang membolehkan seseorang itu menjadi insan yang berilmu, berketerampilan, berfikiran terbuka dan berakhlak tinggi. Ini sejajar dengan fungsi YTAR memberi bantuan untuk pengajian tinggi.

Sphinx

Pada satu ketika Tunku pernah menjadi juara dalam sebuah peraduan kekeluargaan dan memenangi hadiah berupa hasil seni yang mempunyai gambar 'sphinx' yang diilhamkan oleh ayahanda Tunku, Sultan Abdul Hamid ketika menghadiri Pertabalan King George ke-V pada tahun 1911 di England. Sphinx ini juga diletakkan pada logo sesetengah universiti di Britain. Ia melambangkan aspirasi kepada YTAR untuk menjadi sebuah pertubuhan yang berkualiti dan terkenal.

Warna Emas

Warna emas melambangkan unsur diraja yang berkaitan dengan asal-usul Tunku sebagai putera raja.

Lembaga Pemegang Amanah

Lembaga Pemegang Amanah (LPA) YTAR diterajui oleh seorang Pengerusi yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong dan 8 orang Ahli LPA. LPA YTAR bertanggungjawab untuk memantau dan menyokong kakitangan pengurusan dalam menetapkan strategi organisasi, memastikan tadbir urus yang kukuh dan menjana impak positif dalam merealisasikan misi YTAR. LPA turut disokong oleh 3 Jawatankuasa yang memantau aspek pelaburan, pentadbiran dan pemberian YTAR.



Ahli Lembaga Pemegang Amanah



Ahli Jawatankuasa



Nota: *Mulai 3 Disember 2022, penjagaan YTAR telah dipindahkan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada Kementerian Perpaduan Negara (KPN) selaras dengan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2023 (P.U. (A) 27).

Lembaga Pemegang Amanah

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah (LPA) YTAR yang diadakan pada 27 April 2022 adalah berikut:

Kehadiran Lembaga Pemegang Amanah

1. YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Pengerusi YTAR
2. YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Mr. Shad Saleem Faruqi
3. YBhg. Dato' Seri Kalimullah bin Masheerul Hassan
4. YBhg. Datin Sri Sharifah Menyalara binti Syed Hussein
5. Pn. Mazlina binti Mokhtar
6. Pn. Mastura binti Marsam
7. En. Johan Ariffin bin Rozali Wathooth
8. En. Dzameer bin Dzulkifli David, Setiausaha Lembaga dan Ketua Eksekutif

Turut Hadir

1. Cik Ida Thien, Timbalan Ketua Eksekutif YTAR
2. En. Kularetnam Vijayakumar, Pengurus Program YTAR
3. En Muhammad Harun, Pengurus Pejabat

Mesyuarat Jawatankuasa

1. Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran telah diadakan 4 kali iaitu pada 17 Februari, 14 April, 28 Julai dan 16 Disember 2022.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Anugerah telah diadakan 2 kali iaitu pada 24 Mac dan 19 Ogos 2022.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan telah diadakan 4 kali iaitu pada 24 Januari, 25 April, 25 Julai dan 7 Disember 2022.



Kakitangan YTAR

Pasukan YTAR terdiri daripada individu dari pelbagai latar belakang yang melaksanakan strategi YTAR, menjalankan program serta mengusahakan pengumpulan dana dan pemasaran demi membentuk generasi pemimpin Malaysia yang baru.



Dzameer Dzulkipli

Ketua Eksekutif
(Hingga 15hb September 2022)



Ida Thien

Ketua Eksekutif
(Memangku mulai 16hb Sept 2022, disahkan dalam 2023)



Kularetnam Vijayakumar

Pengurus Program



Muhammad Harun

Pengurus Pejabat



Zainab Afiqah

Eksekutif Kanan
Pentadbiran dan
Hubungan Kerajaan



Hong Jinghann

Eksekutif Kanan Program



Raenuga Indran

Eksekutif Pemasaran dan
Perkongsian



Celine Looi

Eksekutif Program



Jit Lee

Penyelaras Program
FutureReady

2022: Kemuncak YTAR

Pada tahun 2022, YTAR telah mencapai kemajuan yang mengagumkan dan memberi impak kepada lebih ramai pelajar berpotensi tinggi daripada golongan kurang diwakili dan berpendapatan rendah. Berikut merupakan kemuncak utama kami:

**closing
the
gap**

RM 11 Juta Biasiswa Berjaya Diperolehi

CTG Scholars telah memperoleh lebih RM 11 juta biasiswa luar, termasuk seorang Scholar yang menerima biasiswa penuh MyBrain daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk melanjutkan pelajaran ke Australia.



BIASISWA
TUNKU ABDUL RAHMAN

RM 2.34 Juta Biasiswa Baharu Dianugerahkan

30 pelajar baharu Kohort 2022 dianugerahkan BTAR untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda. YTAR juga menyokong 76 Tunku Scholars sedia ada melalui program pembangunan kepimpinan dan bimbingan peribadi.

RM 1.9 Juta Perjanjian Diterima

Sebanyak RM 1.2 juta tajaan tunai dan ~RM 700,000 tajaan berbentuk barangan (*in-kind*) diperoleh bagi menyokong program Closing The Gap, Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan *FutureReady*. Penderma baharu dalam 2022 termasuk Asia Philanthropy Circle, University of Nottingham Malaysia dan Heriot-Watt University Malaysia.

Laluan Latihan TVET Diterokai

Pihak YTAR telah bekerjasama dengan Dreamcatcher Asia Sdn Bhd untuk memberi peluang pensijilan profesional kepada 35 pelajar berkeperluan tinggi sebagai laluan alternatif untuk pelajar yang berminat dalam program latihan vokasional ataupun TVET.

2022: Kemuncak YTAR

Pada tahun 2022, YTAR telah mencapai kemajuan yang mengagumkan dan memberi impak kepada lebih ramai pelajar berpotensi tinggi daripada golongan kurang diwakili dan berpendapatan rendah. Berikut merupakan kemuncak utama kami:

Program Kebolehpasaran yang Bermutu

Program *FutureReady*, program kebolehpasaran bersama Accenture Malaysia telah menerima Anugerah Accenture V360 untuk Kategori Kemasyarakatan di tahap Asia Tenggara dan akan diperbaharui untuk kohort ketiga bagi tahun 2023.

150 Sijil Kerjaya Dianugerahkan Bersama Google

YTAR bekerjasama dengan *Google Gemilang* untuk mengagihkan Sijil Kerjaya Google yang membekalkan peluang latihan digital kepada 150 pelajar di Malaysia. Inisiatif digital yang disediakan itu membabitkan 6 bidang iaitu kemahiran analisis data, sokongan dan automasi teknologi maklumat, pengurusan projek, reka bentuk UX serta pemasaran digital dan e-dagang.




Membina Asas yang Teguh

YTAR telah menambah baik dasar dan proses untuk mengukuhkan tadbir urus kami seperti penambahbaikan Dasar Perlindungan Kanak-kanak untuk program CTG. YTAR turut merombak strategi bakat untuk menarik dan mengekalkan bakat individu berkualiti tinggi dalam pasukan yang akan menyampaikan dan mengembangkan impak YTAR.

Pemberian YTAR

Pada tahun 2022, YTAR telah mengeluarkan sejumlah RM 2,548,483 untuk pemberian biasiswa dan menjalankan program-program pengkayaan dan pembangunan.



Nota:

■ BTAR: 106 pelajar ditaja

■ FutureReady: 63 pelajar disokong

■ TVET: 35 pelajar ditaja

■ CTG: 137 pelajar disokong



02

Program Kami



Dari Scholar Ke Mentor

Mayuren Kanabathey merupakan Yayasan Multimedia-Tunku Scholar Kohort 2020. Beliau turut melibatkan diri sebagai Mentor untuk program Closing The Gap (CTG) dan telah digandingkan dengan Thaniges Kumar, CTG Scholar Kohort 2021. Ini ialah refleksi beliau:

Peranan saya sebagai Mentor kepada Thaniges, 2021 CTG Scholar telah memberikan saya peluang untuk memberi inspirasi kepada individu daripada komuniti sosio-ekonomi rendah seperti saya. Sebagai Mentor, saya mendapat peluang untuk menjadi seseorang pembimbing dalam perancangan pengajian tinggi yang saya impikan untuk diri saya ketika berumur 17 tahun.

Perjalanan saya untuk ke pengajian tinggi bukan mudah. Saya telah bertukar kursus, mengambil *gap year* dan bekerja sambil sebagai seorang jurujual kereta sebelum mendapat biasiswa untuk menyambung pengajian dalam bidang Undang-Undang di Multimedia Universiti. Pengalaman saya dalam menghadapi landskap rumit pasca-SPM telah memberi motivasi untuk memberi bantuan kepada Mentee saya.

Apabila saya bertemu dengan Thaniges, saya mengimbau kembali diri saya ketika berumur 17 tahun. Versi 17 tahun saya memiliki impian besar dan komitmen yang tinggi untuk memutuskan kitaran kemiskinan dan bertekad untuk mengubah nasib masa hadapan keluarga saya. Walaupun bimbingan di dalam program ini hanya memerlukan 12 mesyuarat dalam tempoh dua tahun, Thaniges dan saya telah melepasi tahap minimum melalui penglibatan aktif ketika mengendalikan sesi dalam talian secara mingguan.

Saya bukan sahaja telah membimbing Thaniges melalui perancangan pasca-SPM, malah juga memupuk perkembangan sahsiah dan kesejahteraan beliau. Sepanjang program bimbingan, saya telah menyaksikan perkembangan luar biasa yang telah ditonjolkan oleh Thaniges. Hasil daripada dedikasi Thaniges telah menyumbang kepada kejayaan beliau untuk dapat bukan satu tetapi tiga tawaran biasiswa. Kini, beliau sedang mengikuti program Kejuruteraan Elektronik di Multimedia Universiti dengan biasiswa daripada Yayasan Telekom Malaysia.

Sebagai seorang Tunku Scholar, saya bertanggungjawab untuk menyokong belia seperti Thaniges dalam mengatasi sebarang cabaran dan membina masa hadapan yang lebih baik. Matlamat saya adalah untuk terus memberi ilham kepada belia seperti Thaniges melalui program bimbingan dan inisiatif pendidikan, dengan harapan agar mereka juga akan menjadi pembimbing pada masa hadapan. Kita boleh bersama-sama mencipta impak positif dan memperkasakan generasi akan datang dalam mencapai potensi penuh mereka.



Program Kami



Peralihan ke Pengajian Tinggi

Pelajar-pelajar daripada golongan yang kurang diwakili menghadapi cabaran untuk mengakses pendidikan tinggi. Sebagai program bebas pada mulanya, Closing The Gap (CTG) diserapkan ke dalam YTAR pada tahun 2019 untuk merapatkan jurang akses ke pendidikan tinggi. Program CTG menyokong pelajar-pelajar sekolah menengah berpendapatan rendah melalui bimbingan berstruktur, bengkel dan pendedahan yang melengkapkan mereka dengan pemikiran, kemahiran dan pengetahuan untuk mencapai aspirasi pendidikan tinggi.



BIASISWA
TUNKU ABDUL RAHMAN

Kejayaan di Pendidikan Tinggi

Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR) merupakan biasiswa holistik Ijazah Sarjana Muda yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia - terutamanya belia dari komuniti yang kurang diwakili dan komited untuk menyumbang kepada Malaysia. Melalui pemilihan holistik yang mengutamakan kepelbagaian dan cabaran kehidupan pelajar, program pembangunan kepimpinan dan pakej elaun yang komprehensif, BTAR memperkasa Tunku Scholars untuk berjaya di universiti dan merealisasikan masa depan yang diimpikan untuk sendiri dan negara Malaysia.



Kejayaan di Masyarakat

Program *FutureReady* memperkasa golongan belia daripada komuniti yang kurang diwakili untuk berjaya dalam alam pekerjaan yang kompetitif. Dengan kerjasama Accenture Malaysia, *FutureReady* meningkatkan kemahiran pelajar supaya dapat menjamin kerjaya yang unggul dalam industri perkhidmatan profesional. Program *FutureReady* direka bentuk untuk menyokong pelajar dalam mengasah kemahiran profesional melalui bengkel, bimbingan mentor dan membentangkan pelan penyelesaian.

Rumusan Impak Program



361

CTG Scholars disokong sejak 2017

145

menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda/ Diploma

~ RM 11 JUTA

tawaran biasiswa dan bantuan kewangan diterima oleh CTG Scholars pada Disember 2022

94%

Kadar Pengekalan dalam program

37

di 200 Universiti Terbaik di Dunia berdasarkan Senarai University Dunia QS 2022



418

ditaja sejak tahun 2007

106

aktif ditaja YTAR sepanjang tahun 2022

~ RM 50 JUTA

nilai biasiswa telah diberikan sejak tahun 2007

21

Universiti awam dan swasta di Malaysia

100%

menerima tawaran pekerjaan ataupun melanjutkan pelajaran dalam masa 6 bulan selepas tamat pengajian ijazah sarjana muda

**Nota: 115 bekas penerima biasiswa terdiri daripada biasiswa YTAR lama yang bernilai lebih rendah berbanding BTAR - semua biasiswa selain BTAR telah dimansuhkan secara berperingkat sejak tahun 2019*



103

Peserta disokong sejak tahun 2021

36

Universiti awam dan swasta yang mempunyai peserta dalam program

RM 170,500

Jumlah geran pendidikan diberikan kepada semua peserta program *FutureReady*

02

Program Kami: *Closing The Gap*



Closing The Gap (CTG)

CTG merupakan program yang menyokong pelajar berpotensi tinggi daripada keluarga berpendapatan rendah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Objektif program ini dicapai melalui fokus terhadap mempersiapkan pemikiran, kemahiran dan pengetahuan pelajar untuk membuat perancangan pendidikan mereka. CTG mengandungi 3 komponen berikut:



Bimbingan Berstruktur

Setiap CTG Scholar mempunyai seorang Mentor yang membimbing mereka sepanjang program dan memberi sokongan peribadi tentang perancangan pendidikan tinggi



Bengkel dan Kem

Setiap CTG Scholar akan melalui siri bengkel yang direka bentuk untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan bagi mencapai matlamat pendidikan tinggi



Kem Residensi CTG

Setiap CTG Scholar menyertai Kem Residensi selama 5 hari, iaitu simulasi pengalaman universiti disertai modul akademik untuk memberikan pendedahan kehidupan universiti

Penilaian Impak Program

Untuk menilai keberkesanan program tersebut, kami memantau dan mentaksir pembangunan CTG Scholars melalui 3 dimensi berimpak tinggi berikut:

Destinasi Scholar

Kami memantau bilangan CTG Scholars yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dan kebolehan mereka untuk memperoleh biasiswa untuk melanjutkan pelajaran.

Sikap Peribadi Scholar

Kami mengukur pengembangan keyakinan CTG Scholars terhadap keupayaan diri untuk mencapai matlamat selepas program.

Kompetensi Scholar

Kami mengukur pembangunan keupayaan CTG Scholars menerusi penilaian diri dalam 7 kompetensi teras penting untuk merancang masa hadapan sepanjang program.

Closing The Gap (CTG)

Pada tahun 2022, program Closing The Gap (CTG) dilancarkan semula sebagai program bersemuka.

90%

CTG Scholars Kohort 2021 berjaya melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa tempoh pandemik. Kami terus komited untuk memberi sokongan kepada CTG Scholars selebihnya dalam perancangan pasca-SPM mereka.

23%

CTG Scholars berjaya memperoleh biasiswa untuk ke pengajian tinggi dan 3 orang berjaya mendapat biasiswa penuh untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.



Kem Resideni CTG

Kem Resideni telah dianjurkan bersama Universiti Heriot-Watt. Kem Resideni adalah program 5 hari dengan objektif untuk menyediakan CTG Scholars dengan pengalaman kehidupan di universiti. Kem ini juga termasuk modul akademik yang mendedahkan pelajar kepada kursus pengajian yang berbeza seperti asas Sains Komputer dan Psikologi.



CTG Harvard Prize Book

Kami telah bekerjasama dengan Kelab Harvard Malaysia untuk menganugerahkan Harvard Prize Book kepada 1 CTG Scholar. Anugerah ini diberikan setiap tahun untuk mengiktiraf CTG Scholars yang menunjukkan prestasi yang cemerlang dan holistik dalam bidang akademik dan kokurikulum.



Saya berasal daripada latar belakang di mana setiap orang di sekeliling saya mempunyai peluang untuk mengakses pendidikan tinggi. Oleh itu, pengalaman menjadi Mentor CTG telah mengubah persepsi saya: saya mendapat tahu dengan lebih mendalam tentang bagaimana latar belakang seseorang mampu menjadi halangan kepada masa depan mereka, dan betapa pentingnya peranan pendidikan tinggi dalam memutuskan kitaran kemiskinan.

Choong Ee Lyne, Mentor CTG2020



Impak Closing The Gap

Destinasi Scholar

Untuk menilai keberkesanan program CTG, kami menganalisa bilangan Scholars yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dan bilangan Scholars yang menerima tawaran penajaan biasiswa.

97.2%

CTG Scholars sedang melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi*

94%

Kadar pengekalan pelajar dalam program

~RM 11 Juta

Tawaran biasiswa dan bantuan kewangan yang berjaya diperolehi oleh CTG Scholars

*Nota: Kebanyakan pelajar yang belum melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi masih dalam program pra-universiti.



Selepas SPM dan Matrikulasi, saya keliru dengan masa depan pendidikan tinggi saya. Program CTG mendedahkan saya kepada pelbagai laluan berbeza dan melengkapkan saya dengan kemahiran untuk memohon biasiswa dan Institusi Pengajian Tinggi. Melalui program ini saya dapat menghadiri bengkel, Kem Residensi dan digandingkan dengan Mentor yang memberikan sokongan peribadi sehingga saya mendapat biasiswa MyBrain untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Melbourne.

Adam Suffi, 2021 CTG Scholar

Sikap Peribadi Scholar

Antara bahagian penting untuk merapatkan jurang pendidikan tinggi yang dititikberatkan adalah untuk meningkatkan keyakinan dan sikap positif CTG Scholars terhadap pembangunan diri - sepanjang program ini, kami menilai dan menyaksikan peningkatan peribadi Scholars dalam 3 dimensi berikut:

↑ 8.8%

Efikasi Kendiri

Peningkatan dalam keyakinan CTG Scholars terhadap keupayaan mereka untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

↑ 2.5%

Mobiliti Sosial

Peningkatan dalam keyakinan CTG Scholars terhadap keupayaan mereka untuk menaiktarafkan sosioekonomi keluarga.

↑ 4.5%

Ketabahan

Peningkatan dalam keyakinan CTG Scholars terhadap keupayaan mereka menghadapi cabaran dengan tabah.

Impak Closing The Gap


Kompetensi Scholar

Untuk membangunkan CTG Scholars untuk berjaya di tahap pendidikan tinggi, kami menetapkan dan menjejak 7 kompetensi teras yang akan membolehkan CTG Scholars untuk membangunkan kepimpinan diri dan secara langsung berjaya dalam peringkat pendidikan tinggi. Kompetensi ini dinilai sendiri oleh CTG Scholars dan disemak oleh Mentor mereka setiap enam bulan sepanjang tempoh program.

Kompetensi Scholar CTG:

1. Bertindak secara profesional
2. Mempunyai cita-cita tinggi dan ketabahan
3. Bertanggungjawab terhadap diri sendiri
4. Bercakap dan membuat pembentangan dengan yakin
5. Mengembangkan kemahiran intelek diri
6. Mampu menyelidik dan membuat perancangan
7. Membuat refleksi dan penilaian diri secara konsisten

Perbandingan Perubahan Kompetensi antara Kohort



Nota lain:

1. Tiada skor purata yang kurang daripada 6 dilaporkan oleh CTG Scholars. Oleh itu, skor 6 digunakan sebagai nilai minimum untuk paksi-Y.
2. Skor purata keseluruhan telah digunakan untuk perbandingan 4 kohort lama (2017 - 2020)
3. Kohort 2022 hanya akan memulakan program tahun kedua dalam tahun 2023.

Kohort 2022 kami menunjukkan peningkatan yang baik dalam setiap kompetensi, dengan peningkatan purata sebanyak 26%.

Peningkatan yang paling tinggi boleh dilihat di dalam dua kompetensi yang berkait rapat dengan penyambungan semula program secara bersemuka, iaitu:

1. Bercakap dan membuat pembentangan dengan yakin (+36.3%)
2. Mengembangkan kemahiran intelek diri (+28.3%)

02

Program Kami: Biasiswa Tunku Abdul Rahman



Biasiswa Tunku Abdul Rahman

Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR) dianugerahkan sejak tahun 2007 bagi tujuan membangunkan pemimpin negara Malaysia. BTAR merupakan biasiswa penuh yang merangkumi elaun sara hidup bulanan dan program pembangunan kepimpinan.

Biasiswa Komprehensif

Setiap Tunku Scholar menerima penajaan penuh untuk yuran universiti, elaun sara hidup sepanjang tempoh pelajaran, dan elaun tambahan yang komprehensif, termasuklah elaun buku teks, elaun komputer riba, elaun pakaian formal, elaun tesis, elaun tiket penerbangan serta elaun pembangunan profesional.

Program Pembangunan Kepimpinan

Sejak tahun 2020, kami telah melaksanakan program pembangunan kepimpinan bagi Tunku Scholars berpaksikan tiga tunjang berikut:



Kebolehpasaran

Memupuk bakat dan kemahiran Tunku Scholars supaya berjaya di alam pekerjaan.



Etika dan Nilai

Menyemai nilai-nilai yang diilhamkan oleh Tunku Abdul Rahman supaya dapat menzahirkan pemimpin yang mulia dan penyayang.



Kepimpinan Masyarakat

Penerapan mentaliti yang mementingkan perkhidmatan untuk menyumbang balik kepada komuniti secara berimpak.

Program kami terdiri daripada komponen-komponen berikut:

Persidangan & Bengkel

Setiap Tunku Scholar akan menghadiri sekurang-kurangnya 5 persidangan sepanjang program 2 tahun untuk memupuk nilai, kemahiran dan set minda seorang Tunku Scholars.

Bimbingan

Setiap Tunku Scholar akan diberikan seorang mentor Tunku Scholar dari kohort sebelumnya sebagai pembimbing rakan sebaya untuk menyokong pembangunan peribadi dan akademik mereka.

Projek Kemasyarakatan

Setiap Tunku Scholars diberikan RM5,000 setahun untuk mengembangkan diri dan melaksanakan projek kemasyarakatan yang dapat memanfaatkan komuniti yang terpilih.

Pemilihan Penerima

Sejak tahun 2007, kami telah menyokong lebih daripada 400 Tunku Scholars melalui biasiswa ini dengan pemberian elaun yang komprehensif. Berikut merupakan demografik bagi kohort BTAR yang terkini.



Keutamaan kepada Pelajar Golongan B40

BTAR mensasarkan sekurang-kurangnya 80% penerima biasiswa terdiri daripada golongan B40. Walau bagaimanapun, kami juga menerima pelajar bukan B40 sebagai inisiatif untuk menambahbaik kepelbagaian kohort serta mengamalkan penilaian holistik terhadap faktor-faktor kemiskinan lain yang digariskan dalam Indeks Kemiskinan Multidimensi seperti saiz keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa.



Aspek Penambahbaikan

Salah satu kelemahan yang telah dikenalpasti adalah kekurangan permohonan daripada pelajar yang berasal dari kawasan Pantai Timur, Semenanjung Malaysia seperti negeri Kelantan dan Terengganu. Oleh itu, pihak YTAR telah merancang untuk meningkatkan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri, universiti awam dan organisasi tempatan untuk meningkatkan permohonan pelajar kawasan Pantai Timur. Selain itu, YTAR bertekad untuk meningkatkan lagi permohonan pelajar Orang Asli. Pada tahun 2022, seorang pelajar Orang Asli berjaya dianugerahkan Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan pihak YTAR akan terus berusaha untuk meningkatkan permohonan daripada pelajar Orang Asli pada tahun hadapan.

Alumni Kami

Pada tahun 2022, kami telah bekerjasama rapat bersama dan menyokong Alumni kami dalam 3 aspek utama:

Menyokong Tunku Scholars untuk Beralih ke Fasa Alumni

Sebagai sebahagian daripada program kami yang telah direka semula, YTAR telah menambah komponen Induksi Alumni dalam program kami untuk mencapai dua objektif utama:



- Menyokong Tunku Scholars kami untuk beralih selepas penamatan program sebagai Alumni komuniti YTAR baru
- Membangunkan dan mengukuhkan komuniti Alumni Tunku Scholar supaya bersedia menyumbang balik kepada YTAR, komuniti YTAR dan masyarakat awam.

Bekerjasama Bersama Alumni: Tunku Scholar Association Malaysia



Sejak tahun 2020, YTAR berganding bahu dengan komuniti Alumni YTAR, Tunku Scholars Association Malaysia (TSAM) untuk memperjuangkan pembangunan belia dan menjadi suara progresif yang mencerminkan nilai-nilai Almarhum Tunku di Malaysia. TSAM dipimpin oleh Maisarah Kamil dan pilihan raya TSAM seterusnya akan berlaku pada Mac 2023. Pada tahun 2023, YTAR akan bekerjasama dengan TSAM untuk mengembangkan aktiviti sosial serta kandungan Induksi Alumni untuk mempereratkan hubungan Alumni dan mencapai objektif perjuangan TSAM.

Kedutaan Alumni: Mewakili Imej dan Misi YTAR



Razman Durhan, AHAM - Tunku Scholar Kohort 2020 (ditaja AHAM Capital) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Dengan Ekonomi) Fakulti Sains dan Sumber Alam dari Universiti Malaysia Sabah telah dianugerahkan sebagai *Valedictorian* untuk kelas graduasi beliau. Ucapan Razman telah dipaparkan di pelbagai platform media atas ketabahan beliau dalam menghadapi cabaran dan komitmen untuk berkhidmat kepada masyarakatnya di Sabah.

02

Program Kami: *FutureReady*



Membina Belia *FutureReady*


Pada tahun 2022, pihak YTAR melancarkan kohort kedua program *FutureReady* yang melibatkan 63 pelajar melalui kerjasama dengan Accenture Malaysia. Dalam tahun 2022, program ini telah dilakukan secara bersemuka.



8 daripada 16 pasukan telah disenaraipendek untuk bertanding dalam acara Final Pitch dan membentangkan penyelesaian mereka kepada panel penilai yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif YTAR dan Pengarah Urusan dari Accenture Malaysia.



Pasukan tempat pertama berjaya membawa pulang hadiah berjumlah RM12,000 dan semua peserta ditawarkan peluang untuk menjalankan latihan amali (internship) di Accenture Malaysia.



Peserta berasa lebih bersedia untuk memasuki alam pekerjaan selepas *FutureReady*



Peserta berasa mereka mendapat manfaat yang signifikan daripada program ini



Saya telah menamatkan pengajian saya dan mula memohon peluang pekerjaan, tetapi saya kurang kemahiran teknikal dan kurang berpengalaman. Pasaran pekerjaan semasa wabak Covid-19 juga kurang memberangsangkan dan mengakibatkan saya berdepan dengan kesusahan dalam pencarian pekerjaan selama 6 bulan. Saya telah disyorkan untuk menyertai *FutureReady* yang telah membangunkan kemahiran peribadi dan profesional saya terutamanya dalam sektor perundingan. Pengalaman *FutureReady* saya juga membantu saya untuk mendapatkan peluang pekerjaan sebagai Eksekutif (*Analytics dan Insights*) di NielsenIQ Malaysia dan Singapura.

Blake Tan, Peserta *FutureReady* bagi Tahun 2021

02


Program Kami: *Anugerah Pingat Tunku*



Anugerah Pingat Tunku

Sejak 1979, Anugerah Pingat Tunku (APT) telah dianugerahkan setiap tahun kepada graduan universiti awam yang cemerlang dan yang menampilkan ciri-ciri kepimpinan serta nilai-nilai murni Bapa Kemerdekaan kita, Almarhu, Tunku Abdul Rahman.

Tahun ini, pihak YTAR menganjurkan majlis APT yang turut dihadiri oleh ahli Lembaga Pemegang Amanah, ahli keluarga penerima anugerah dan wakil-wakil dari universiti. Penerima APT bagi tahun 2021 adalah seperti berikut: Emas, Shashivarmaan Thevaraj (Perhubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia), Perak: Sharifah Huda Syed Ibrahim (Sains Aktuari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)); Gangsa: Thenesh Anbalagan (Undang-undang, UKM) dan Siti Nursyarnisa (Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia).



Empat penerima cemerlang APT bagi tahun 2021.



Penerima APT bersama Lembaga Pemegang Amanah YTAR dan wakil Universiti.



Memperkasakan Masa Depan, Menginspirasi Perubahan

Shashivarmaan Thevaraj dari Universiti Utara Malaysia merupakan penerima Anugerah Pingat Tunku Emas bagi tahun 2021. Beliau mempunyai kepimpinan luar biasa yang ditunjukkan melalui komitmennya dalam memastikan peningkatan celik huruf dalam komuniti rentan.

Mendapat inspirasi daripada latar belakang beliau yang mencabar, Shashivarmaan berhasrat untuk membantu belia yang melalui nasib yang sama di bawah inisiatifnya, "Inisiatif Maatram". Inisiatif ini dimulakan dengan objektif menyokong golongan remaja India yang berisiko tinggi melalui program pembangunan diri yang berstruktur.

Cita-cita utama Shashivarmaan adalah untuk menubuhkan keusahawanan sosial, menerajui dasar dan program pembangunan yang memperkasakan golongan minoriti India Malaysia.

03

Pemasaran dan Perkongsian



Perkongsian YTAR

Kami menerima tajaan bernilai RM 1.9 juta untuk tiga (3) program kami:



Program Closing The Gap menerima dana sebanyak RM 5,000 daripada Fresh Beauty Malaysia dan RM 500 daripada Puan Nadiah Wan, Presiden Kelab Harvard Malaysia. World Bank juga telah menganjurkan inisiatif pengumpulan dana, dan inisiatif tersebut akan dimaktubkan dalam tahun 2023.



Asia Philanthropy Circle menaja 8 pelajar di bawah Biasiswa Towards Inclusion and Equity (TIE) Fund - YTAR bernilai ~RM 750,000 manakala AHAM Capital telah memperbaharui penajaan bagi 2 pelajar bernilai RM 240,000 melalui Biasiswa AHAM - YTAR. Universiti Nottingham Malaysia dan Universiti Heriot-Watt Malaysia turut berjanji untuk menaja 4 pelajar berjumlah ~RM 700,000.



RM 213,000 ditaja oleh Accenture Malaysia untuk menyokong 63 pelajar dalam program *FutureReady*.



Biasiswa TIE Fund - YTAR telah membolehkan seorang pelajar Orang Asli seperti saya untuk menjadi orang pertama di kampung saya untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading. Biasiswa yang komprehensif ini akan menyediakan saya untuk berkhidmat kepada masyarakat Orang Asli melalui pendidikan.

Afiza Eliana, Penerima Biasiswa TIE Fund-YTAR

Penaja dan Rakan Kongsi YTAR

Yayasan OSK
Fresh Beauty
Puan Nadiah Wan

Asia Philanthropy Circle
AHAM Capital
Yayasan Universiti Teknologi PETRONAS

Accenture Malaysia

Yayasan Multimedia
Universiti Nottingham Malaysia
Heriot-Watt University Malaysia

YTAR dalam Media

Pada 2022, YTAR mendapat peluang media bernilai sebanyak RM 160,000. Ini termasuk peluang media radio, televisyen, akhbar dan platform media digital. Beberapa sorotan media kami termasuk:

Heriot-Watt University Malaysia launches 1821 App - Leaders with Impact Scholarship



Heriot-Watt University Malaysia (HWUM) launched its 1821 App - Leaders with Impact Scholarship to support its 1821 group in line with its 200th anniversary and history of welcoming access to education - the courtesy of Heriot-Watt University Malaysia @HWUM



Penuntut bina sistem pam perisai air kepada 120 keluarga

Kuala Lumpur: Status sebagai penuntut tidak menghalang seorang gadis berbakat kepada kemudiannya di beri peluang berkhidmat sebagai insaaf membina sistem pam bekalan air pada perigi usang pada Februari lalu. Dengan bermodalan kira-kira RM2,000, dia dapat membina sistem yang terletak di sebuah kedah rumah di Pulau Pinang. Semporna di Sabah dan memberi manfaat kepada 120 keluarga serta warga sekitar berkenaan. Penolong berkesanan, Sarniezh Sagi, 21, berkata, dia mengagumi kisah perigi usang yang sudah lama tidak digunakan penduduk di pulau berkenaan sebelum terderek untuk membina supaya dapat menyalurkan bekalan air di pulau berkenaan. "Muaranya, warga seka-

lih dan penduduk di pulau berkenaan menghadapi cabaran dan masalah untuk memperoleh bekalan air bersih hingga menyukarkan kehidupan ratusan mereka. "Sistem dan tangki yang dibina ini dapat mengalirkan air perigi yang bergeser ke kawasan perumahan sekitar. Sebelum ini, mereka terpaksa menggunakan air perigi namun tidak dapat dijangka hingga menjadikan bekalan air sangat terhad. "Apabila sistem ini telah beroperasi, ada beberapa keluarga yang menyumbangkan pada perigi ini supaya dapat dijangka terus ke rumah mereka," katanya ketika dihubungi semalam. Sarniezh berkata, dia berharap kerana dia juga akan dapat menyumbang projek yang dinasehati oleh YATAR. "Ya, saya akan terlanjur dengan bantuan dana daripada Yayasan Tunku Abdul Rahman pada perigi ini. Katanya, terdapat cabaran untuk berkesanan kerana kebanyakan penduduk di pulau berkenaan tidak dapat pergi ke Pulau Pinang dan tidak boleh berkhidmat. Namun katanya, dia lega kerana dibantu oleh seorang guru yang membantu untuk berkesanan. Berse-

Pelancaran Biasiswa rakan kongsi Heriot-Watt Universiti Malaysia dan YTAR telah dipaparkan di surat khabar The Star dan News Strait Times.

Shashivarmaan Thevaraj (Tunku Scholar Kohort 2019) dan Natrah Laili Abdul Aziz (Tunku Scholar Kohort 2020) dijemput untuk berkolaborasi tentang BTAR di Berita BERNAMA.

Sarniezh binti Sagi, Tunku Scholar Kohort 2021, telah ditampilkan dalam artikel Harian Metro mengenai projek komunitinya untuk membina sistem pam telaga yang menyalurkan air kepada 120 keluarga di Semporna, Sabah.

Penampilan Umum



Ketua Pegawai Eksekutif kami, Ida Thien telah dijemput untuk menyampaikan ucapan tentang misi YTAR di Forum Khazanah Megatrends (KMF) 2022. Forum ini menentang tokoh pemikir terkemuka dari seluruh dunia. Tonton video penuh di [sini](#).



CTG Scholar Kohort 2017, Shelly Tee, dan dan pelatih YTAR, Divya Suraindiran telah dijemput untuk berucap di Sidang Tuanku Bainun Young Changemakers yang dianjurkan oleh WOMEN:girls.

Hubungi Kami

Pihak YTAR kini sedang mencari individu, syarikat dan institusi yang memiliki visi sama untuk berganding bahu bagi memperkasakan generasi pemimpin akan datang melalui pemberian bantuan pendidikan tinggi.

Sekiranya anda berminat untuk bersama-sama merealisasikan impian ini, sila hubungi kami melalui:



www.yayasantar.org.my



@yayasantar



partnership@yayasantar.org.my



@yayaanTAR



Yayasan Tunku Abdul Rahman



Yayasan TAR



Tunku Abdul Rahman Foundation



04

Pentadbiran



Pentadbiran YTAR

Pada tahun 2022, YTAR terus memperkukuh tadbir urus yang baik :

01

Pengukuhan tadbir urus melalui penambahbaikan dasar dan proses

- Penambahbaikan strategi dan dasar sumber manusia organisasi untuk mengekal dan menarik bakat unggul untuk berkhidmat dalam pasukan YTAR.
- Proses penggubalan dasar dan prosedur secara berterusan untuk mengukuhkan ketelusan tadbir urus YTAR. Sebagai contoh, penggubalan Dasar Anti-Rasuah, Dasar Data dan Peranti dan Dasar Anti-Gangguan.

02

Mengoptimumkan aset untuk mencapai visi YTAR

- Memantau pelaburan dan bekerjasama dengan pihak pengurusan aset untuk memelihara dan menjana pulangan dana wakaf YTAR.
- Memantau dan meneroka strategi penjualan ladang getah YTAR kerana pengurusan ladang getah bukan skop utama YTAR. Hasil jualan tersebut akan dilaburkan semula ke dalam dana wakaf untuk meningkatkan pulangan pelaburan pada masa yang akan datang.

03

Pemindaan Akta

- Proses pengkajian pemindaan Akta YTAR sedang giat dijalankan dengan sokongan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Perpaduan Negara untuk menambahbaik peraturan dan tadbir urus organisasi.

05

Laporan Kewangan

Halaman seterusnya adalah Penyata Kewangan YTAR penuh (versi BM) yang telah diaudit bagi tahun 2022.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2022**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Yayasan Tunku Abdul Rahman dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 29.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 [Akta 389].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Yayasan Tunku Abdul Rahman dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Tunku Abdul Rahman bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 [Akta 389]. Lembaga Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman, Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan Tunku Abdul Rahman untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan Tunku Abdul Rahman;
